

Faktor Peribadi dan Persekitaran yang Mempengaruhi Pelajar Kolej Komuniti Meneruskan Kerjaya dalam Bidang Pertanian

Personal and Environmental Factors that Influenced College Community Students to Pursue Career in Agriculture Sector

Norhayat, R.A^{1*}

¹ *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400 Batu Pahat Johor, MALAYSIA*

*Corresponding Author: adawiyahnorhayat@gmail.com
DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2025.10.02.011>

Maklumat Artikel

Diserah: 19 Julai 2024
Diterima: 15 Ogos 2025
Diterbitkan: 30 September 2025

Kata Kunci

Pertanian, sekuriti makanan, faktor peribadi, faktor persekitaran

Abstrak

Kekurangan tenaga pekerja mahir dalam sektor pertanian akan menjadi masalah sekiranya jumlah kemasukan pelajar baharu ke kolej pertanian yang semakin menurun tidak dibendung. Pelbagai faktor seperti persepsi kurang baik terhadap sektor pertanian menyebabkan pelajar tidak berminat untuk menceburi bidang ini. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan pelajar kolej komuniti dalam meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. 80 orang mahasiswa daripada Kolej Komuniti Jerantut, Kolej Komuniti Bera, Kolej Komuniti Tambunan dan Kolej Komuniti Rembau telah menjadi responden dalam kajian ini. Borang soal selidik diedarkan secara dalam talian (*Google Forms*) melalui wakil institusi. Data telah dianalisis secara deskriptif, *skewness*, korelasi dan regresi dengan menggunakan SPSS versi 27.0. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati faktor peribadi dan faktor persekitaran mempunyai hubungan kait yang signifikan dengan tahap penyertaan pelajar dalam meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian dan elemen minat merupakan faktor yang paling mempengaruhi pelajar dalam menyertai bidang pertanian.

Keywords

Agriculture, food security, personal factors, environmental factors

Abstract

*The shortage of skilled labour in the agricultural sector will become a problem if the decline in new student enrollment in colleges is not curbed. Various factors, such as negative perceptions of the agricultural sector, cause students to lose interest in pursuing this field. Therefore, this study aims to examine the factors that influence the participation of community college students in continuing their careers in agriculture. Eighty students from Jerantut Community College, Bera Community College, Tambunan Community College and Rembau Community College were respondents in this study. Questionnaires were distributed online (*Google Forms*) through institutional representatives. Data were analyzed*

descriptively, using skewness tests, correlations and regressions using SPSS version 27.0. Overall, the results of the study found that personal factors and environmental factors have a significant relationship with the level of student participation in continuing their careers in agriculture, and the element of interest is the factor that most influence students in participating in the agricultural field.

1. Pengenalan

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) meramalkan bahawa petani di seluruh dunia akan menghadapi cabaran yang besar dalam tahun-tahun akan datang kerana antara tahun 2005 hingga 2050, dijangka terdapat peningkatan dalam pengambilan makanan yang dianggarkan berkisar dari 59% kepada 98%. Hal ini menyebabkan berlakunya peningkatan dalam peluang pekerjaan dalam sektor pertanian. Pada tahun 2022, Jabatan Statistik Negara (DOSM) dan Bank Negara Malaysia telah melaporkan bahawa sektor pertanian menyumbang sebanyak 96% kepada hasil pengeluaran dalam negara (GDP). Namun hasil produktiviti sektor pertanian yang merangkumi aktiviti pengeluaran tanaman, ternakan dan juga perikanan menunjukkan pertumbuhan yang negatif dari tahun ke tahun (Mahidin, 2020). Selain itu, dalam laporan yang berlainan juga menyatakan bahawa hasil pengeluaran sektor pertanian pada tahun 2020 terjejas kerana pandemik COVID-19 (Mahidin, 2020). Maka, salah satu cara untuk membantu bidang pertanian meningkat dan bertumbuh dengan baik ialah dengan mengurangkan kadar kebergantungan negara terhadap hasil makanan *import*. Hal ini boleh dicapai sekiranya pekerjaan dalam sektor pertanian mempunyai tenaga kerja mahir yang mencukupi tanpa perlu bergantung kepada tenaga kerja asing daripada negara luar.

Sehubungan dengan itu, untuk menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian di Malaysia, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) telah diidentifikasi sebagai agenda penting di Malaysia (Ismail, 2020). Program-program yang berkaitan PLTV dilaksanakan oleh kedua-dua institusi awam dan swasta yang merangkumi pelbagai bidang sesuai dengan keperluan ekonomi negara seperti bidang pertanian. Ini sesuai untuk memenuhi keperluan industri dan tenaga kerja mahir dalam membantu negara mencapai status negara maju (Rus *et al.*, 2019). Maka, pembangunan pelbagai kemudahan latihan dan institusi pendidikan termasuk institusi pertanian, kolej pertanian, sekolah-sekolah profesional, universiti, politeknik dan kolej komuniti adalah untuk menyediakan negara tenaga buruh yang berkecukupan dan mahir. Oleh itu, adalah penting untuk mengatasi masalah kekurangan pelajar dalam menyertai bidang pertanian kerana pelajar ini yang diperlukan untuk sebagai tenaga kerja yang kompeten untuk masa hadapan.

Namun, pada tahun 2023, bilangan enrolmen pelajar kolej komuniti menunjukkan penurunan dari 194 kepada 189 (Statistik Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023). Hal ini akan memberikan kesan kepada pemegang taruh kerana ini akan menjejaskan kestabilan modal insan yang diperlukan untuk menyumbang kepada peningkatan produktiviti bidang pertanian serta menyumbang kepada keterjaminan sekuriti makanan di Malaysia walaupun kerajaan telah menyediakan kapasiti yang lebih besar untuk meningkatkan kadar kemasukan pelajar dalam bidang ini. Pengeluaran graduan pertanian dan kedoktoran haiwan dari institusi PLTV antara 2018 hingga 2021 ialah 2173, 2313, 1699 dan 2150 pelajar masing-masing (Statistik Kementerian Pendidikan Tinggi, 2022). Oleh kerana kadar enrolmen dalam program pertanian telah dianggap rendah di Malaysia, justeru *trend* ini menunjukkan bahawa sesetengah faktor mungkin menghalang penyertaan pelajar dalam program pertanian di kolej komuniti berbanding bidang-bidang lain.

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa faktor peribadi seperti minat (Obayelu dan Fadele, 2019), personaliti (Park *et al.*, 2020) dan persepsi (Consentino *et al.*, 2023) memberikan pengaruh kepada pelajar untuk menyertai bidang pertanian sebagai kerjaya. Hal ini kerana, faktor-faktor seperti minat terhadap bidang pertanian, kawalan tingkah laku, pengetahuan pertanian dan persepsi amalan pertanian boleh menjadi sebagai prediktor kecenderungan pelajar ke arah menyertai pekerjaan yang berkaitan dengan bidang pertanian (Zaremozhzabieh *et al.*, 2021). Di samping itu, faktor persekitaran seperti pengaruh keluarga (Rasak *et al.*, 2023), ekspektasi tentang pendapatan (Mkong *et al.*, 2021) dan peluang atau prospek kerjaya (Pasha dan Siddiqui, 2019) boleh mempengaruhi pelajar untuk mempertimbangkan dan membuat pemilihan kerjaya dalam bidang pertanian. Dewantoro *et al.* (2022), mendapati bahawa elemen seperti persekitaran sosial, pendidikan, umur, dan kekayaan mempunyai pengaruh yang ketara pada kecenderungan generasi muda untuk menyertai bidang pertanian.

Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia (MOE, 2020) telah menyatakan bahawa faktor peribadi dan faktor persekitaran seperti minat, pengaruh keluarga, peluang kerjaya dapat mempengaruhi pelajar dalam memilih bidang kerjaya masing-masing. Oleh itu, adalah penting untuk menangani persepsi yang tidak baik ini dengan mempelbagaikan prospek kerjaya yang tersedia dalam industri pertanian. Sepanjang tempoh yang lama, sektor pertanian telah menghadapi prasangka yang tidak adil, yang biasanya digambarkan sebagai pekerjaan yang berat secara fizikal, berisiko tinggi dan bergaji rendah dengan prospek atau peluang kerjaya yang terhad. Penyelidik telah menjalankan pelbagai kajian untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pandangan pelajar mengenai bidang pertanian, mengenali perbezaan antara

pendidikan pertanian dan keutamaan pelajar. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menentukan hubung kait antara faktor peribadi seperti persepsi, minat dan personaliti serta faktor persekitaran (ekspektasi tentang pendapatan, pengaruh keluarga dan peluang kerjaya) dalam mempengaruhi penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian.

1.1 Objektif Kajian


Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian, untuk mengenal pasti hubung kait antara faktor peribadi dan faktor persekitaran dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian dan menentukan faktor paling mempengaruhi pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian bagi pelajar pendidikan teknikal dan vokasional dari Kolej Komuniti Jerantut, Kolej Komuniti Bera, Kolej Komuniti Tambunan, dan Kolej Komuniti Rembau.

1.2 Skop Kajian

Kajian ini secara khusus dijalankan kepada pelajar yang sedang mengambil kursus sijil dalam program akuakultur dan agroteknologi pertanian di Kolej Komuniti Jerantut, Kolej Komuniti Bera, Kolej Komuniti Tambunan, dan Kolej Komuniti Rembau. Tujuan adalah untuk mengkaji dan menilai perspektif dan hala tuju professional mereka. Data penyelidikan penjejakan graduan 2022 yang dikeluarkan oleh Statistik Institut Pengajian Tinggi dengan teliti memilih kolej dan sekolah ini berdasarkan kadar kebolehpasaran graduan selepas tamat pengajian. Data jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar di kolej yang dikaji mempunyai kecenderungan yang kuat untuk meneruskan kerjaya dalam pertanian. Walau bagaimanapun, penting untuk mempunyai pemahaman yang komprehensif tentang beberapa faktor yang mempengaruhi pilihan kerjaya pelajar termasuk minat peribadi dan pengaruh dalam persekitaran seseorang individu. Pendidikan yang diterapkan di kolej komuniti penting dalam menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran praktikal yang diperlukan sebagai asas terutama dalam bidang pertanian. Seorang penyelidik yang berdedikasi telah membangunkan soalan kajian dalam talian untuk meneliti faktor penentu utama yang mempengaruhi penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Tujuan penyelidik adalah untuk menilai hubung kait faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menyertai meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian melalui kajian yang lebih komprehensif. Tujuan penyelidikan ini ialah untuk menjalankan analisis yang mendalam dan mencadangkan strategi yang berkesan untuk menggalakkan lebih banyak pelajar untuk menyertai bidang pertanian dan memulakan profesion dalam bidang ini.

1.3 Kerangka Konsep Kajian dan Hipotesis

Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep kajian ini. Kerangka konsep ini telah diadaptasi berdasarkan Teori Pembelajaran Kognitif Sosial Albert Bandura (1978) yang telah diubahsuai mengikut keperluan kajian. Menurut teori, tingkah laku individu dibentuk oleh pelbagai faktor, termasuk faktor dalaman mereka seperti emosi, tindakan, dan pengaruh luaran persekitaran sosial dan fizikal mereka. Pernyataan ini menekankan pentingnya pengalaman dan interaksi individu dengan dunia, khususnya individu dan keadaan yang mereka hadapi dalam membentuk tingkah laku mereka.



Rajah 1 Kerangka konsep kajian

Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubung kait antara faktor peribadi dan faktor persekitaran dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hipotesis kajian seperti berikut.

- H01: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor peribadi dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian.
- H02: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian.
- H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor peribadi dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian.
- H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian

2. Kajian Literatur

Sektor pertanian merupakan enjin pengeluaran makanan utama di Malaysia dan memainkan peranan dalam membantu negara memastikan keselamatan makanan negara terjamin. Dengan kata lain, ia bertanggungjawab untuk memastikan bahawa seluruh penduduk di negara ini mendapat bekalan makanan yang sihat dan berkualiti pada harga yang berpatutan. Ia juga perlu memastikan bahawa bekalan makanan di negara ini mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik yang semakin meningkat. Menurut Jabatan Statistik Malaysia (2020), jumlah penduduk Malaysia semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2023, penduduk Malaysia meningkat kepada 33.4 juta, iaitu 2.1% berbanding 2022 (32.7 juta) (DOSM, 2023). Populasi ini dianggarkan akan terus meningkat kepada 41.5 juta pada tahun 2040 (DOSM, 2020). Peningkatan ini akan memberikan kesan kepada pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar untuk memenuhi keperluan pekerjaan penduduk, pemukiman dan sumber bekalan makanan di masa hadapan. Oleh itu, sektor pertanian perlu bergerak lebih cekap dan sistematik untuk memenuhi keperluan semasa.

Pertanian lestari akan menangani masalah kekurangan makanan di seluruh dunia dan menawarkan peluang pekerjaan untuk belia, terutamanya di negara-negara yang kurang maju. Petani muda mengambil bahagian dalam usaha pertanian berisiko tinggi dan penggunaan teknologi moden yang membawa keuntungan. Usaha ini mendedahkan idea-idea inovatif, konsep dan teknologi yang mungkin diabaikan oleh petani yang lebih tua (Farooq and Ullah, 2021). Oleh itu, individu yang mempunyai semangat untuk meningkatkan produktiviti pertanian dan bidang-bidang yang berkaitan boleh terlibat dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) khusus dalam bidang pertanian. Kurikulum ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan penting, kemahiran praktikal, dan perspektif berpikir ke hadapan, membolehkan mereka untuk membuat sumbangan yang berharga kepada pengembangan dan kejayaan dalam bidang pertanian.

Kini terdapat 104 buah kolej komuniti yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan 38 kursus kemahiran di peringkat sijil telah ditawarkan kepada komuniti. 3 daripada jumlah keseluruhan kursus itu merupakan sijil daripada bidang pertanian iaitu sijil agroteknologi, sijil teknologi akuakultur dan sijil teknologi pemprosesan makanan. Program sijil di kolej komuniti memberikan peluang kepada lulusan SPM atau SPMV untuk menyambung pengajian mereka kepada peringkat yang lebih tinggi. Konsep pembelajaran dan penilaian di kolej komuniti berbeza dengan kebanyakan institut pengajian tinggi tempatan kerana ia memberikan lebih penekanan kepada latihan praktikal berbanding teori. Pengajian pada peringkat sijil mengambil masa sekurang-kurangnya

selama 4 semester atau 2 tahun termasuk latihan di industri. Kolej komuniti ditubuhkan untuk memenuhi kehendak sosial dan keperluan tenaga manusia selaras dengan dasar kerajaan untuk melahirkan lebih ramai golongan pekerja mahir. Bagi masyarakat setempat pula, kolej komuniti berperanan memberikan pendedahan kepada mereka dengan kursus-kursus jangka pendek yang ditawarkan. Lulusan kolej komuniti berpeluang untuk mengisi keperluan tenaga kerja industri dalam bidang-bidang kemahiran yang berkaitan, membuka perniagaan sendiri atau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurut teori pembelajaran sosial Albert Bandura (1978), tingkah laku dibentuk oleh gabungan pengaruh peribadi dan pengaruh persekitaran, serta tindakan tertentu yang diambil oleh individu. Ia menyimpulkan bahawa tingkah laku dibentuk oleh gabungan faktor intrinsik dan ekstrinsik. Bandura mencipta istilah "*mutual determinism*" untuk menjelaskan fenomena ini. Pada asasnya, tingkah laku individu dipengaruhi oleh kognitif, pengaruh peribadi, dan perilaku mereka serta persekitaran sosial (Ansary *et al.*, 2023). Teori Bandura menyediakan pandangan terperinci mengenai tingkah laku manusia dan pelbagai pengaruh yang membentuknya dengan memahami secara komprehensif interaksi yang rumit dan sentiasa berubah antara faktor-faktor ini. *Reciprocal determinism* menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara keadaan persekitaran, tingkah laku, dan aspek peribadi atau kognitif. Bandura (1978) mengkaji tingkah laku individu yang terlibat dalam menonton televisyen. Personaliti individu mempengaruhi tingkah laku menonton televisyen, terutamanya dalam hal membuat pilihan saluran di televisyen. Di sisi lain, boleh dikatakan bahawa tindakan mengamati corak tontonan mempunyai kesan pada kecenderungan individu. Di samping itu, pilihan stesen untuk ditonton mempunyai pengaruh yang besar pada program yang akan disiarkan oleh semua rangkaian. Sebagai contoh, faktor persekitaran mempunyai pengaruh yang besar kepada pelbagai stesen yang tersedia kepada penonton kerana pembentukan tabiat penonton yang unik dan kecenderungan yang berbeza-beza.

Oleh yang demikian, berdasarkan model ini dan kajian lepas yang telah menunjukkan bahawa faktor peribadi seperti minat (Obayelu & Fadele, 2019), personaliti (Park *et al.*, 2020) dan persepsi (Consentino *et al.*, 2023) dan faktor persekitaran seperti pengaruh keluarga (Rasak *et al.*, 2023), ekspektasi tentang pendapatan (Mkong *et al.*, 2021) dan peluang atau prospek kerjaya (Pasha & Siddiqui, 2019) memberikan pengaruh kepada pelajar untuk menyertai bidang pertanian sebagai kerjaya, kajian untuk memahami dengan lebih komprehensif tentang penyertaan pelajar dalam bidang pertanian sebagai kerjaya dilakukan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penyertaan pelajar dalam menyertai bidang pendidikan sebagai kerjaya dan juga untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan pelajar dalam menyertai bidang pertanian sebagai kerjaya. Hal ini disebabkan oleh, memahami kepelbagaian aspek yang kompleks dalam mempengaruhi pelajar kolej komuniti untuk menyertai bidang pertanian sebagai kerjaya pada masa akan datang ialah relevan untuk membangunkan strategi yang diperlukan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan seperti penurunan penyertaan golongan muda dalam bidang pertanian. Oleh itu, kajian menyumbang kepada hasil penyelidikan dalam memperbaiki strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan penyertaan pelajar dalam bidang pertanian sebagai kerjaya selepas bergraduan.

3. Metodologi

Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif, menggunakan kaedah tinjauan melalui borang kaji selidik sebagai kaedah utama pengumpulan data. Pengkaji telah mengedarkan sebanyak 80 set borang soal selidik secara talian melalui aplikasi *Google Form* kepada pelajar 4 buah institusi Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Jerantut, Kolej Komuniti Bera, Kolej Komuniti Rembau dan Kolej Komuniti Tambunan yang khusus mengambil kursus sijil agroteknologi dan sijil akuakultur. Kemudian selepas dua minggu pungutan data telah dibuat dan setelah dihitung, pengkaji mendapati sebanyak 65 (81%) telah menjawab soalan kajian yang diedarkan. Sebelum analisis deskriptif dan inferensi dilakukan, pengkaji memastikan bahawa data yang diperoleh adalah data yang berbentuk *linear* dan berada dalam taburan normal serta bebas daripada kesilapan yang mungkin berlaku semasa menjawab borang soal selidik atau merekod data. Proses pembersihan data ini dijalankan untuk menyingkirkan mana-mana data yang *outlier* atau *extreme*. Data *outlier* wajar dikeluarkan dari kumpulan data yang dikumpulkan kerana data tersebut boleh menjejaskan kejutuan data dalam analisis statistik (Leech *et al.*, 2005). Jumlah terakhir responden selepas pembersihan data ialah 63 orang. Jadual 1 di bawah menunjukkan jadual maklumbalas responden.

Jadual 1 Peratusan maklumbalas responden

Perkara	Bilangan
Jumlah borang soal selidik yang diedarkan	80
Jumlah maklumbalas yang diterima semula	63
Kadar peratusan maklumbalas yang diterima	79%

Berdasarkan Jadual 1, purata kadar maklum balas yang telah diperoleh iaitu sebanyak 79% boleh diterima dan digunakan kerana telah melepasi kadar purata maklum balas yang minimum untuk sesebuah kajian sains sosial iaitu sebanyak 70% (Babbie, 2020). Sebaik sahaja data dikumpulkan dan disusun, data tersebut telah menjalani analisis dan interpretasi menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0 untuk mengetahui dan membuktikan hipotesis diterima atau ditolak. Data dianalisis melalui analisis deskriptif, ujian kepencongan (*skewness*), analisis kolerasi dan regrasi. Perisian ini digunakan untuk memudahkan penyelidik melakukan analisis pada borang kaji selidik untuk mengurangkan berlakunya kesalahan semasa menganalisis data. Berikut merupakan julat-julat analisis yang dijadikan panduan untuk kajian ini.

Jadual 2 Julat min bagi menjawab persoalan kajian (Kamaruzzaman, 2009)

Skor Min	Tahap/ Interpretasi
1.0 - 1.8	Sangat rendah
1.9 - 2.6	Rendah
2.7 - 3.4	Sederhana
3.5 - 4.2	Tinggi
4.3 - 5.0	Sangat tinggi

Kemudian, ujian korelasi *Pearson* digunakan bagi mengenal pasti hubung kait faktor peribadi dan faktor persekitaran dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian dalam kalangan pelajar kolej komuniti yang mengambil kursus bidang pertanian pada tahap $p < 0.01$. Kolerasi pekali (*coefficient*) adalah seperti berikut.

Jadual 3 Aras kekuatan nilai pekali kolerasi (Chua, 2014)

Saiz Pekali Kolerasi (r)	Kekuatan Korelasi
0.91 hingga 1.00 atau -0.91 hingga -1.00	Sangat kuat
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.10 hingga 0.30 atau -0.10 hingga -0.30	Sangat lemah
0.00	Tiada kolerasi

Seterusnya, analisis regrasi dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang paling mempengaruhi tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, yang sesuai untuk kajian ini kerana sifat objektifnya yang membolehkan penilaian korelasi dan penyelidikan kesan variabel satu sama lain (Albers, 2017). Analisis regrasi adalah penilaian statistik yang menerangkan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar dan boleh digunakan untuk menganggarkan nilai-nilai pemboleh ubah bersandar dengan menggunakan nilai-nilai pemboleh ubah bebas (Jha dan Hayashi, 2014). Oleh itu, pemboleh ubah bebas menyumbangkan paling banyak kepada varians yang dijelaskan dan boleh membuat pertimbangan *relative* atau pemboleh ubah tidak bersandar menggunakan piawaian pekali (*coefficient*) sahaja. Pekali regrasi piawai (*Beta Coefficients*) ialah istilah yang aktif memeriksa kekuatan *relative* pada setiap pemboleh ubah dalam persamaan.

4. Dapatan Kajian

Soalan profil demografik responden menunjukkan gambaran tentang latar belakang responden yang dikaji. Item yang terkandung dalam bahagian profil demografi merangkumi jantina, umur, jenis institusi pendidikan, tahun pengajian semasa, dan klasifikasi pendapatan responden. Bahagian ini penting untuk membantu pengkaji menentukan kesesuaian responden yang ingin dikaji. Responden yang dipilih dalam kajian ini ialah pelajar yang mengambil kursus sijil Agroteknologi dan sijil Akuakultur di kolej komuniti. Setelah dianalisis, statistik profil demografik responden adalah seperti berikut.

Jadual 4 Profil demografik responden

Perkara	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	44	69.8%
Perempuan	19	32.2%
Jumlah	63	100.0%
Umur		
18 - 19 tahun	5	7.9%
20 - 21 tahun	57	90.5%
22 tahun ke atas	1	1.6%
Jumlah	63	100.0%
Institusi Pengajian		
Kolej Komuniti Jerantut	23	36.5%
Kolej Komuniti Bera	7	11.1%
Kolej Komuniti Tambunan	13	20.6%
Kolej Komuniti Rembau	20	31.7%
Jumlah	63	100.0%
Klasifikasi Pendapatan		
B40	52	82.5%
M40	9	14.3%
T20	2	3.2%
Jumlah	63	100.0%

Seterusnya, nilai *skewness* melebihi ± 2.58 ialah menunjukkan taburan normal atau bukan normal berdasarkan pernyataan Hair *et al.* (1998). Jadual 5 menunjukkan bahawa semua pembolehubah tidak melebihi +2.58. Oleh itu, semua pembolehubah ialah bertaburan normal. Berdasarkan keputusan *skewness* dan kurtosis ialah -3 hingga +3 yang menunjukkan bahawa pembolehubah hampir dengan normal apabila nilai *skewness* ialah antara -1 dan 1 manakala kurtosis ialah antara -3 dan +3 untuk saiz sampel yang besar dan dianggap sekurang-kurangnya hampir normal (Leech *et al.*, 2005). Ini membolehkan ujian korelasi dijalankan.

Jadual 5 Statistik kepencongan (*skewness*) dan kurtosis

	Minat	Personaliti	Persepsi	Ekspektasi tentang pendapatan	Pengaruh keluarga	Peluang kerjaya
Min	3.8302	3.8952	3.6048	3.8429	3.7175	3.9603
Sisihan Piawaian	0.50915	0.50972	0.52776	0.38635	0.51102	0.38635
<i>Skewness</i>	-0.080	-0.030	0.695	0.503	-0.025	0.503
Ralat Piawaian						
Kepencongan	0.302	0.302	0.302	0.302	0.302	0.302
<i>Kurtosis</i>	0.140	-0.697	0.005	0.690	-0.905	0.69
Ralat Piawaian						
Kurtosis	0.595	0.595	0.595	0.595	0.595	0.595

4.1 Analisis Tahap Penyertaan Pelajar untuk Meneruskan Kerjaya dalam Bidang Pertanian

Jadual 6 menunjukkan bahawa responden setuju pada semua item untuk tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Ini menunjukkan bahawa mereka menunjukkan kecenderungan yang sangat positif terhadap penyertaan dalam bidang pertanian sebagai pilihan kerjaya selepas menamatkan pengajian. Min bagi 'saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya gaji yang ditawarkan berpatutan' dan 'saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya ia mampu meningkatkan taraf hidup saya' adalah yang tertinggi iaitu 4.35 dan diikuti dengan item 'saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya saya mempunyai tanah untuk diusahakan' iaitu 4.17. Manakala min yang paling rendah ialah item 'saya akan menyertai bidang pertanian walaupun bidang pertanian satu sektor yang berisiko' iaitu 3.76. Julat skor min ialah 4.05 menunjukkan bahawa tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian ialah tinggi.

Jadual 6 *Deskriptif statistik tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian*

Elemen	Deskripsi	Min
Tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian	Saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya gaji yang ditawarkan berpatutan.	4.35
	Saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya ia mampu meningkatkan taraf hidup saya.	4.35
	Saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya saya mempunyai tanah untuk diusahakan.	4.17
	Saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya saya mendapatkan tawaran pekerjaan yang saya minati.	4.13
	Saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya ia mempunyai prospek yang luas	4.03
	Saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya ia mempunyai prospek yang menarik	3.98
	Saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya pendapatan dalam kerjaya ini stabil	3.94
	Saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya keluarga menyokong kuat	3.92
	Saya akan menyertai bidang pertanian kerana bidang pertanian merupakan satu sektor yang fleksibel	3.84
	Saya akan menyertai bidang pertanian walaupun bidang pertanian satu sektor yang berisiko.	3.76

4.2 Analisis Korelasi Antara Faktor Peribadi dan Faktor Persekitaran dengan Tahap Penyertaan Pelajar untuk Meneruskan Kerjaya dalam Bidang Pertanian

Analisis korelasi *Pearson* ini menggambarkan hubungan *linear* antara pelbagai pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini khususnya terdapat faktor peribadi dan faktor persekitaran dalam elemen minat, personaliti, persepsi, ekspektasi tentang pendapatan, pengaruh keluarga dan peluang kerjaya terhadap tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian. Elemen minat mempunyai hubungan positif yang sederhana dan signifikan dengan tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian iaitu ($r=0.674$, $p<0.05$), diikuti dengan elemen personaliti iaitu $r=0.317$ dengan nilai $p<0.05$ yang memiliki hubungan positif yang lemah dan signifikan. Manakala elemen persepsi menunjukkan nilai korelasi yang positif dan sangat lemah namun tidak signifikan ($r=0.151$) pada tahap $p<0.05$. Seterusnya, ketiga-tiga elemen dalam faktor persekitaran menunjukkan hubungan yang positif dan memiliki kekuatan korelasi yang sederhana namun signifikan terhadap tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian iaitu elemen ekspektasi tentang pendapatan ($r=0.326$, $p<0.05$), pengaruh keluarga ($r=0.557$, $p<0.05$) dan elemen peluang kerjaya ($r=0.556$, $p<0.05$). Secara keseluruhan, semua pemboleh ubah tidak bersandar memiliki hubungan yang positif dengan tahap penyertaan dalam bidang pertanian walaupun kekuatan korelasi yang berbeza-beza. Oleh itu, asas mengenai keputusan ini ialah:

- H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor peribadi dengan tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian
- H_{02} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara faktor persekitaran dengan tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian

Dengan ini, hasil kajian mendapati gagal untuk menerima hipotesis H_{01} dan H_{02} . Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor peribadi dan faktor persekitaran dengan penyertaan pelajar dalam bidang pertanian.

Jadual 7 Analisis korelasi antara faktor

	Elemen	Tahap Penyertaan dalam bidang pertanian	Kekuatan Korelasi
Faktor Peribadi	Minat	0.674**	Sederhana
	Personaliti	0.317**	Lemah
	Persepsi	0.151	Sangat Lemah
Faktor Persekitaran	Ekspektasi tentang pendapatan	0.326**	Sederhana
	Pengaruh keluarga	0.557**	Sederhana
	Peluang kerjaya	0.556**	Sederhana

Nota: ** Kolerasi ialah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed)

4.3 Analisis Regresi untuk Faktor yang Paling Mempengaruhi Pelajar untuk Meneruskan Kerjaya dalam Bidang Pertanian

Jadual 8 menunjukkan ringkasan model untuk meramalkan hubungan statistik dan menerangkan hubungan asas faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Pekali (*coefficient*) ialah penentuan ukuran varian dalam pemboleh ubah bersandar dijelaskan oleh pemboleh ubah tidak bersandar. Nilai 0.49 menunjukkan bahawa 49 peratus daripada varian dalam tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian (pemboleh ubah bersandar) dijelaskan oleh enam elemen faktor peribadi dan faktor persekitaran. Elemen minat dalam faktor peribadi memiliki hubungan positif dan signifikan dengan pemboleh ubah bersandar dengan nilai pekali regresi (yang diapiawaikan tertinggi iaitu 0.459 pada skala $p < 0.05$. nilai pekali regresi yang diapiawaikan ialah -0.049 ($p > 0.05$) yang menunjukkan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar personaliti tidak memiliki hubungan yang signifikan dengan variable dependen. Manakala untuk elemen persepsi, nilai pekali regresi yang diapiawaikan ialah -0.162 ($p > 0.05$) menjelaskan bahawa elemen persepsi tidak memiliki hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian.

Pemboleh ubah tidak bersandar dalam faktor persekitaran untuk ekspektasi tentang pendapatan menunjukkan bahawa pemboleh ubah tersebut tidak memiliki hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar dengan nilai $\beta = -0.057$, $p > 0.05$. Elemen peluang kerjaya daripada faktor persekitaran menunjukkan nilai beta yang diapiawaikan ialah 0.263 dengan nilai p iaitu 0.051 menunjukkan bahawa peluang kerjaya memiliki hubungan positif yang hampir signifikan terhadap tahap penyertaan pelajar dalam menyertai bidang pertanian. Manakala elemen pengaruh keluarga menunjukkan nilai beta yang diapiawaikan ialah 0.256 dengan nilai p 0.125 iaitu pengaruh keluarga tidak memiliki hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar.

Secara keseluruhan, hanya elemen minat yang menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Elemen peluang kerjaya juga menunjukkan hubungan positif yang hampir signifikan. Manakala pemboleh ubah yang lain tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian.

Jadual 8 Ringkasan analisis regresi untuk menentukan faktor peribadi dan faktor persekitaran yang mempengaruhi tahap penyertaan pelajar dalam bidang pertanian

Pemboleh ubah	<i>B</i>	<i>SE B</i>	β	<i>t</i>	<i>p</i>
Minat	0.330	0.095	0.459	3.458	0.001
Personaliti	-0.035	0.086	-0.049	-0.404	0.688
Persepsi	-0.112	0.098	-0.162	-1.149	0.255
Ekspektasi tentang pendapatan	-0.054	0.144	-0.057	-0.375	0.709
Pengaruh keluarga	0.183	0.117	0.256	1.559	0.125
Peluang kerjaya	0.266	0.133	0.263	1.995	0.051

Nota: $R^2 = 0.49$; $F(6, 56) = 10.93$, $p < 0.05$.

5. Perbincangan

5.1 Tahap Penyertaan Pelajar untuk Meneruskan Kerjaya Dalam Bidang Pertanian

Berpandukan hasil dapatan untuk elemen tahap penyertaan pelajar dalam menyertai bidang pertanian, ini menggambarkan bahawa pelajar-pelajar kolej komuniti mempunyai kecenderungan dan motivasi untuk terus menyambung kerjaya dalam bidang pertanian. Tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian yang positif ini menunjukkan bahawa bidang pertanian masih relevan dan diminati oleh golongan muda terutama bagi mereka yang melanjutkan pengajian dalam bidang ini. Ini bertepatan dengan kenyataan dan kajian Omotosho *et al.* (2020) yang menyatakan bahawa 64% pelajar pertanian mempunyai kecenderungan untuk menyambung pelajaran yang berkaitan sektor pertanian dan menunjukkan minat yang tinggi dalam penyertaan ini. Tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian boleh disebabkan oleh gaji yang ditawarkan berpatutan dan bertepatan dengan ekspektasi pelajar seperti dalam item “saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya gaji yang ditawarkan berpatutan”. Hal ini disebabkan oleh faktor ekonomi yang stabil dan sejahtera penting untuk pertumbuhan seseorang individu. Hal ini disokong oleh Riitsalu *et al.* (2022) yang berpendapat bahawa kesejahteraan kewangan individu dipengaruhi oleh faktor pendapatan. Sama seperti yang telah dinyatakan oleh Duarte *et al.* (2020) bahawa umur, pengalaman, imej negara, peluang pembangunan profesional dan tanggungjawab pekerjaan mempengaruhi harapan tentang gaji.

Selain itu, tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian juga boleh dipengaruhi oleh taraf hidup seseorang seperti dalam item “saya akan menyertai bidang pertanian sekiranya ia mampu meningkatkan taraf hidup saya”. Hal ini menjelaskan bahawa keinginan untuk meningkatkan taraf hidup dan sosial individu, menjadikan mereka lebih bermotivasi untuk maju ke hadapan. Hal ini dijelaskan dalam kajian oleh Sulistiyorini (2021) yang menyatakan bahawa beberapa elemen seperti tahap sosioekonomi keluarga dan budaya mempunyai kesan yang signifikan kepada tingkah laku dan kepercayaan seseorang. Walau bagaimanapun, tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian dapat dipertingkatkan melalui penambahbaikan aspek-aspek tertentu seperti peningkatan infrastruktur pendidikan dengan menyediakan prasarana yang lebih baik, peralatan yang lebih lengkap dan canggih membantu pelajar untuk lebih menyertai bidang pertanian. Kebolegunaan dan keadaan infrastruktur yang kondusif dalam sistem pendidikan terutama untuk bidang pertanian boleh meningkatkan tahap penyertaan pelajar dalam bidang tersebut (Dinie *et al.*, 2023). Maka, menjawab kepada objektif kajian ini untuk mengetahui atau mengukur tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian iaitu pelajar kolej komuniti bermotivasi untuk terus menceburi bidang pertanian sebagai kerjaya pada masa akan datang.

5.2 Hubungan Antara Faktor Peribadi dengan Tahap Penyertaan Pelajar untuk Meneruskan Kerjaya dalam Bidang Pertanian

Hasil kajian menunjukkan faktor peribadi mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian terutama bagi elemen minat, personaliti serta elemen persepsi. Berdasarkan nilai pekali dan juga hubungan kait yang sudah dianalisis, dengan ini dapat disimpulkan bahawa kajian gagal untuk menerima hipotesis H_{01} . Ini menunjukkan bahawa elemen minat, persepsi dan personaliti pelajar kolej komuniti mempunyai hubungan dalam mempengaruhi tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hal ini dapat menjelaskan pelajar kolej komuniti akan mempertimbangkan minat serta personaliti mereka sebelum menceburi sesuatu bidang selepas tamat pengajian. Hal ini juga menjelaskan pelajar kolej komuniti akan mempertimbangkan minat, persepsi dan juga personaliti mereka sebelum memilih kerjaya pilihan terutama dalam bidang pertanian. Hal ini disokong oleh dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh Taha *et al.* (2022) yang menyatakan bahawa minat ialah faktor utama dalam mempengaruhi pemilihan bidang untuk pelajar terutama pelajar kolej vokasional diikuti dengan personaliti individu terbabit.

Di samping itu, seperti yang dinyatakan oleh Rasak *et al.* (2023), setiap individu akan menimbang dengan teliti terutama yang berkaitan hal peribadi, keupayaan diri dan menilai peluang kerjaya sebelum memutuskan untuk menyertai sesuatu bidang. Hal ini disebabkan oleh, kecenderungan seseorang akan mempengaruhi tingkah laku mereka. Komponen psikomotor berkait rapat dengan kecenderungan individu kepada domain kemahiran tertentu yang melibatkan fungsi psikologi, sistem saraf dan otot (Alannasir *et al.*, 2020). Hal ini juga disokong oleh Perminova (2023) yang menyatakan bahawa minat seseorang yang sesuai dengan bidang yang diceburi akan membawa kepada kejayaan dan kepuasan peribadi masing-masing. Maka, jelas faktor peribadi seperti minat, persepsi dan personaliti mempunyai hubungan kait yang penting dengan tahap penyertaan pelajar kolej komuniti untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian selepas tamat pengajian.

5.3 Hubungan Antara Faktor Persekitaran dengan Tahap Penyertaan Pelajar untuk Meneruskan Kerjaya dalam Bidang Pertanian

Hasil kajian menunjukkan pelajar kolej komuniti mempertimbangkan faktor persekitaran seperti ekspektasi tentang pendapatan, pengaruh keluarga dan peluang kerjaya sebelum ingin meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hal ini menunjukkan adanya hubungan antara faktor persekitaran seperti pengaruh keluarga, ekspektasi tentang pendapatan dan peluang kerjaya dalam mempengaruhi penyertaan pelajar dalam menyertai bidang pertanian sebagai pilihan kerjaya pada masa akan datang. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa hipotesis H_{02} gagal untuk diterima.

Hal ini disebabkan oleh faktor gaji yang ditawarkan memberikan kesan kepada proses pemilihan kerjaya pelajar kolej komuniti. Sama seperti pengaruh dan sokongan keluarga yang juga memberikan impak dalam proses pertimbangan pelajar untuk memilih kerjaya selepas tamat pengajian. Dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh Fernandez (2023) yang menyatakan pengaruh ibu bapa, peluang kerjaya pada masa akan datang serta minat mempunyai pengaruh yang besar dalam mempengaruhi pelajar untuk pemilihan bidang di institut yang lebih tinggi. Hal ini disebabkan oleh faktor persekitaran seperti pengaruh keluarga dapat mempengaruhi pembentukan perilaku dan tingkah laku seseorang.

Seterusnya, pengaruh luaran atau persekitaran juga mempengaruhi seseorang individu dalam membuat keputusan untuk memilih sesuatu bidang kerjaya (Olayemi *et al.*, 2021). Hal ini juga disokong oleh Blanco dan Golik (2021) dengan menyatakan bahawa pemilihan bidang kerjaya dipengaruhi oleh faktor keluarga seperti sokongan. Hal ini membuktikan bahawa faktor persekitaran mempunyai hubungan kait dengan tahap penyertaan pelajar kolej komuniti dalam bidang pertanian. Maka hasil daripada kajian ini, kewujudan hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran seperti pengaruh keluarga, ekspektasi tentang pendapatan dan peluang kerjaya dengan penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian selepas bergelar graduan. Maka, jika diteliti secara terperinci, jelas bahawa faktor persekitaran dan faktor peribadi mempunyai kaitan terhadap tahap penyertaan pelajar kolej komuniti untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian.

5.4 Faktor yang Paling Mempengaruhi Tahap Penyertaan Pelajar untuk Meneruskan Kerjaya dalam Bidang Pertanian

Hasil kajian menunjukkan pemboleh ubah "minat" menunjukkan nilai yang positif dan signifikan. Ini menunjukkan bahawa "minat" mempunyai hubungan positif dan signifikan dalam mempengaruhi tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hal ini disokong oleh Wang *et al.* (2021) yang menyatakan bahawa elemen minat peribadi mempengaruhi perubahan tingkah laku dan pola fikir individu. Pemboleh ubah "personaliti" menunjukkan hasil dapatan yang negatif dan tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa "personaliti" tidak memberikan pengaruh dan kesan kepada pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hal ini bertentangan dengan kajian lalu yang menyatakan bahawa ciri-ciri keperibadian seperti kecerdasan emosi, ketahanan ego dan kawalan diri mempunyai hubungan dalam mempengaruhi seseorang dalam membuat sesuatu keputusan (Park *et al.*, 2020).

Selain itu, pemboleh ubah "persepsi" mempunyai nilai yang negatif dan tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa "persepsi" tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Ini bermakna persepsi tidaklah menjadi faktor yang mempengaruhi pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hasil ini juga bertentangan dengan kajian Fazidah *et al.* (2021) yang menyatakan persepsi pelajar universiti awam di kawasan pantai timur Malaysia merupakan penentu utama perspektif mereka terhadap bidang pertanian dalam pendidikan tinggi. Pemboleh ubah "ekspektasi tentang pendapatan" mempunyai nilai yang negatif dan tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa "ekspektasi tentang pendapatan" tidak mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam menyertai bidang pertanian. Hal ini menjelaskan bahawa, pelajar tidak menjadi isu gaji atau pendapatan sebagai faktor utama dalam mempengaruhi mereka dalam membuat keputusan untuk terus menceburi bidang pertanian sebagai kerjaya pilihan. Hal ini sedikit bercanggah dengan pandangan Duarte *et al.* (2020) yang menyatakan bahawa tanggungjawab pekerjaan, peluang pembangunan profesional, imej negara, pengalaman dan umur mempengaruhi harapan tentang gaji.

Pemboleh ubah "pengaruh keluarga" mempunyai nilai yang positif tetapi tidak signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Hal ini menunjukkan bahawa keluarga bukanlah menjadi faktor utama dalam mempengaruhi keputusan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian ataupun menceburi bidang lain. Walaupun pengaruh keluarga tidak signifikan, ini bertepatan dengan kajian yang menyatakan bahawa pengaruh keluarga dalam mempengaruhi pemilihan bidang pendidikan seseorang termasuk sokongan daripada keluarga, struktur keluarga, permintaan keluarga dan tanggungjawab terhadap keluarga (Blanco *et al.*, 2021). Manakala pemboleh ubah "peluang kerjaya" mempunyai nilai yang positif dan hampir signifikan dalam mempengaruhi tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam menyertai bidang pertanian. Ini bermakna, pelajar sudah terbuka dan cakna dengan prospek atau peluang kerjaya yang ditawarkan dalam bidang

pertanian. Hal ini menjelaskan bahawa pelajar kolej komuniti mempertimbangkan peluang kerjaya yang terdapat dalam bidang pertanian. Selari dengan Rasak *et al.* (2023), apabila individu memilih untuk menceburi bidang pertanian, mereka mempertimbangkan faktor peribadi, menilai bakat dan keupayaan mereka, dan mengenal pasti peluang kerjaya yang dimiliki bidang tersebut.

Hasil dapatan kajian melalui analisis regresi menunjukkan elemen minat mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap tahap penyertaan pelajar meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Nilai beta yang tinggi ini menunjukkan bahawa elemen minat ialah pemboleh ubah yang paling penting dalam kajian ini untuk faktor peribadi. Manakala untuk faktor persekitaran, elemen peluang kerjaya mempunyai kesan yang hampir signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar. Hal ini kerana nilai beta yang agak tinggi iaitu menunjukkan bahawa peluang kerjaya mungkin mempunyai kesan yang penting dalam model ini. Maka daripada analisis regresi ini, elemen minat ialah pemboleh ubah yang paling signifikan dan mempunyai kesan positif yang kuat terhadap pemboleh ubah bersandar. Manakala peluang kerjaya hampir mencapai tahap signifikan dan ini juga boleh menjadi indikator bahawa elemen peluang kerjaya mungkin juga pemboleh ubah yang penting. Pemboleh ubah lain seperti personaliti, persepsi, ekspektasi tentang pendapatan dan pengaruh keluarga tidak menunjukkan kesan yang signifikan dalam analisis ini. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian daripada Sultana dan Mahmud (2020) yang menyatakan bahawa minat merupakan aspek yang sangat mempengaruhi pelajar dalam memilih bidang pengajian. Hal ini disokong oleh Whorley (2023), bahawa faktor-faktor yang berlainan seperti minat pelajar sendiri mempengaruhi keputusan kerjaya mereka. Maka, kesimpulan untuk analisis ini, dapat dilihat bahawa apa-apa keputusan yang diambil oleh seseorang dipengaruhi oleh faktor interpersonal, persekitaran dan peribadi (Mohamed *et al.*, 2022).

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil kajian pelajar kolej komuniti masih menunjukkan keinginan yang tinggi untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian jika faktor-faktor seperti gaji, masa kerja yang fleksibel dan sebagainya. Hal ini menunjukkan, masih ada golongan muda yang ingin membantu meningkatkan produktiviti pertanian. Hasil perbincangan juga menunjukkan faktor peribadi dan faktor persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hasil kajian menunjukkan elemen minat, personaliti, ekspektasi tentang pendapatan, pengaruh keluarga dan peluang kerjaya mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hasilnya, kedua-dua hipotesis *null* gagal untuk diterima dalam kajian ini. Seterusnya, hasil dapatan kajian melalui analisis regresi menunjukkan elemen minat mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap tahap penyertaan pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pertanian. Hal ini jelas menunjukkan elemen minat merupakan faktor peribadi yang paling mempengaruhi pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang pertanian. berdasarkan kesimpulan dan perbincangan ini, Kementerian pendidikan dan kerajaan perlulah menggalakkan pelajar dan belia untuk menceburi bidang pertanian dengan melakukan kempen, memperbaiki sistem dan infrastruktur institusi pertanian agar dapat menarik lebih ramai golongan muda untuk memajukan sektor pertanian negara ke peringkat dunia.

7. Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan skop dan batasan kajian yang memberi tumpuan kepada faktor-faktor terdahulu yang mempengaruhi penyertaan dalam program profesional pertanian di Semenanjung Malaysia, beberapa cadangan untuk penyelidikan lebih lanjut boleh disyorkan iaitu dengan memperluaskan skop geografi melebihi Semenanjung Malaysia untuk memasukkan Malaysia Timur akan membolehkan analisis perbandingan pengaruh serantau. Kedua, kajian masa depan boleh mengkaji faktor demografi tambahan seperti status sosioekonomi dan pekerjaan ibu bapa untuk memperluaskan pemahaman dinamik tentang faktor persekitaran. Kajian longitudinal boleh memberikan wawasan yang berharga tentang bagaimana perubahan dalam dasar, sikap masyarakat, dan keadaan ekonomi membentuk trend penyertaan dalam bidang pertanian dari masa ke masa. Di samping itu, kaedah penyelidikan kualitatif boleh memberikan input yang lebih mendalam tentang faktor sosiokultural melalui wawancara dan kumpulan tumpuan dengan pelajar, ibu bapa, pendidik, dan pemimpin masyarakat. Membandingkan trend kemasukan antara program profesional pertanian dan laluan kerjaya profesional atau akademik lain boleh menerangkan cabaran dan peluang tertentu dalam pendidikan pertanian.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia utama, penyelia bersama dan para panel penilai atas panduan dan cadangan yang diberikan dalam menyiapkan penulisan ini. Terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan manuskrip ini.

Sumbangan Penulis

Kesemua penulis mengesahkan tanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut: konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan tafsiran keputusan, dan penyediaan manuskrip.

Rujukan

- Alannasir, W. (2020). Characteristic-based development students aspect. *International Journal of Asian Education*, 1(1), 29-36.
- Albers, M. J. (2017). Quantitative data analysis—In the graduate curriculum. *Journal of Technical Writing and Communication*, 47(2), 215-233.
- Ansary, K. (2023). Social Attitude and Adjustment: A Critical Review. *Galore International Journal of Applied Sciences and Humanities*, 7(1), 26-32.
- Babbie, E. R. (2020). The practice of social research. Cengage Au.
- Bandura, A. (1978). The self system in reciprocal determinism. *American psychologist*, 33(4), 344.
- Blanco, M. R., & Golik, M. N. (2023). Family influence on career decisions: perceptions of Latin American CEOs. *International Journal of Emerging Markets*, 18(9), 2033-2053.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Edisi Ketiga. Selangor: McGraw-Hill Education (M) Sdn. Bhd.
- Consentino, F., Vindigni, G., Spina, D., Monaco, C., & Peri, I. (2023). An Agricultural Career through the Lens of Young People. *Sustainability*, 15(14), 11148.
- Constantin, I. L. (2020). The importance of the psychomotricity development in the life cycle. *Știința Culturii Fizice*, 2(36), 3748.
- Dewantoro, S., & Maria, M. (2022). Motivasi Generasi Muda terhadap Pekerjaan Sektor Pertanian di Desa Jumo Kecamatan Kedungjati Kabupaten Grobogan. *Jurnal Agribisnis Indonesia (Journal of Indonesian Agribusiness)*, 10(1), 152-158.
- Duarte, H., de Eccher, U., & Brewster, C. (2021). Expatriates' salary expectations, age, experience and country image. *Personnel Review*, 50(2), 731-750.
- Farooq, N., & Ullah, A. (2021). Outcome Expectations and Youth's Attitude towards Agricultural Occupations. *Global Sociological Review*, VI (II), 39-51.
- Fazidah, R., Sa'adiah, T. A. B., Afiq, A. M., Suhana, Z., & Norhafizah, M. Z. (2021, July). Factors influencing perception towards agriculture field in high level education among public University students in East Coast Region. In *AIP Conference Proceedings* (Vol. 2347, No. 1). AIP Publishing.
- Fernandez, D. (2023). Paving The Way: Exploring Influential Factors That Shape Career Preferences Among Students In Higher Education Institutions - Insights From Selected Arts And Science Colleges In Kerala. *Interantional Journal Of Scientific Research In Engineering And Management*.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. (1998). *Multivariate Data Analysis (5th Edition)*. Prentice Hall.
- Ismail, M. E., Hashim, S., Zakaria, A. F., Ariffin, A., Amiruddin, M. H., Rahim, M. B., ... & Sa'adan, N. (2020). Gender analysis of work readiness among vocational students: A case study. *Journal of Technical Education and Training*, 12(1).
- Jha, S. K., & Hayashi, K. (2014). A Novel Odor Filtering and Sensing System Combined with Regression Analysis for Chemical Vapor Quantification. *Sensors and Actuators B Chemical*, 200, 269-287.
- Leech, N. L., Barrett, K. C., & Morgan, G. A. (2005). *SPSS for Intermediate Statistics: Use and Interpretation* (Second Edition). New Jersey. Lawrence Erlbaum Associates.
- Mahidin, M. U. (2020). Supply and Utilization Accounts Selected Agricultural Commodities Malaysia 2016-2020. Department of Statistic Malaysia Official Portal.
- Mkong, C. J., Abdoulaye, T., Donsop-Nguezet, P. M., Bamba, Z., Manyong, V., & Shu, G. (2021). Determinant of University Students' Choices and Preferences of Agricultural Sub-Sector Engagement in Cameroon. *Sustainability*, 13(12), 6564.

- Mohamed, N. A., Tuah, S. N. A., Ibrahim, K., Omar, S. N., Ahmad, F. H. M., & Amir, A. S. M. (2022). Are Fresh Graduates Too Picky? Preliminary View What Drivers Influencing Career Choice Among Students at HEIs in Malaysia.
- Obayelu, O. A., & Fadele, I. O. (2019). Choosing a career path in agriculture: A tough calling for youths in Ibadan metropolis, Nigeria. *Agricultura Tropica et Subtropica*, 52(1), 27-37.
- Omotosho, A., Emmanuel, A., Ayegba, P., & Ayoola, J. (2020). Impact of agricultural education on students' career choice: A survey. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (IJET)*, 15(3), 51-61.
- Park, I. J., Gu, M., & Hai, S. (2020). How can personality enhance sustainable career management? The mediation effects of future time perspective in career decisions. *Sustainability*, 12(3), 1167.
- Pasha, A., & Siddiqui, D. A. (2020). Factors influencing professional selection choices: evidence from Pakistan. *Available at SSRN 3641642*.
- Riitsalu, L., & Van Raaij, W. F. (2022). Current and future financial well-being in 16 countries. *Journal of International Marketing*, 30(3), 35-56.
- Rus, R. C., Mamat, A. B., Hasnan, K. A., Hanapi, Z., & Nashir, I. M. (2019). Development of k-workers employability skills measurements indicators in agricultural sector in Malaysia. *Journal of Technical Education and Training*, 11(4).
- Sultana, T., & Mahmud, M. K. (2020). Exploring the influential stimulators of career choice: An empirical assessment by exploratory factor analysis. *Asian Journal of Empirical Research*, 10(5), 137-149.
- Sulistiyorini, S. (2021). Perilaku Individu dalam Lembaga Pendidikan Islam. *An-Nuha: Jurnal Kajian Islam, Pendidikan, Budaya Dan Sosial*, 8(1), 131-145.
- Taha, M. R., Mohamad, M. M., Kiong, T. T., Heong, Y. M., & Ahmad, A. (2022). Tret Personaliti dan Faktor Pemilihan Kategori Pekerjaan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional: Personality Traits and Occupational Category Selection Factors Among Vocational College Students. *Online Journal for TVET Practitioners*, 7(1), 61-74.
- Wang, M. Z., & Hayden, B. Y. (2021). Latent learning, cognitive maps, and curiosity. *Current opinion in behavioral sciences*, 38, 1-7.
- Zaremohzzabieh, Z., Krauss, S. E., D'Silva, J. L., Tiraieyari, N., Ismail, I. A., & Dahalan, D. (2022). Towards agriculture as career: Predicting students' participation in the agricultural sector using an extended model of the theory of planned behavior. *The Journal of Agricultural Education and Extension*, 28(1), 67-92.